

12/12/2001

Kabinet tentukan komisen minyak

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan mengumumkan kadar baru komisen pengusaha stesen minyak selepas mesyuarat Kabinet, esok.

Difahamkan, perkara itu akan diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sumber memberitahu, kertas cadangan mengenai kenaikan komisen itu akan dibentangkan kepada Kabinet esok untuk mendapat kelulusan.

Bagaimanapun, kadar komisen yang dipersetujui tidak sampai empat sen bagi seliter petrol, seperti yang diminta Persatuan Pengusaha Stesen Minyak (PDAM).

"Kabinet mungkin meluluskan kenaikan sebanyak dua sen kerana kadar empat sen terlalu tinggi dan akan membebankan pengguna," katanya.

Sebelum ini, PDAM meminta kerajaan menaikkan kadar komisen setiap liter bagi petrol sebanyak empat sen dan dua sen bagi diesel.

Persatuan itu mahu kerajaan menunaikan janji untuk menyelesaikan isu kenaikan komisen sebelum akhir tahun ini kerana kerajaan mengambil masa terlalu lama untuk menaikkan komisen itu.

Komisen yang diterima ahli PDAM sekarang ialah 6.18 sen seliter bagi petrol dan 2.27 sen untuk diesel. Kali terakhir komisen itu dinaikkan sebanyak satu sen pada 1994.

Oktober lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan tidak dapat menaikkan komisen kepada pengusaha stesen minyak sebanyak empat sen bagi setiap liter kerana kenaikan itu terlalu tinggi, iaitu 60 peratus.

Lagipun, Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah menaikkan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter atau lapan peratus dalam Belanjawan 2001.

"Mereka boleh memohon komisen dinaikkan, tetapi jangan memberi alasan kerana ia disebabkan kenaikan harga petrol. Harga petrol dinaikkan selepas kerajaan mengurangkan subsidi," katanya.

Sementara itu, Presiden PDAM, Alang Zari Ishak berkata, pihaknya menunggu semua keputusan yang bakal diumumkan kerajaan.

Katanya, pihaknya sudah lama mengemukakan permohonan kenaikan komisen itu tetapi sehingga harga petrol naik tiada keputusan yang diberikan oleh kerajaan.

"Kali terakhir komisen dinaikkan ialah lapan tahun lalu. Sudah terlalu lama kami menunggu, harap-harap keputusannya memihak kepada kami kali ini," katanya.

(END)